BAB 4

SEMANTIK JENIS-JENIS TUMBUHAN DAN BAHAGIAN-BAHAGIANNYA

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan memerihalkan penjenisan dalam bahagian-bahagian tumbuhan yang berperanan sebagai pembawa makna konotatif dalam peribahasa Melayu.

Jenis tumbuh-tumbuhan dan bahagian-bahagiannya adalah amat luas cakupannya, berikut adalah jenis-jenis dan bahagian-bahagian yang digunakan sebagai bahan analisis;

Jenis	Jumlah	Peratus (%)
Ara	7	2.67
Asam	5	1.91
Aur	21	8.01
Bacang	4	1.53
Balak	2	0.76
Banir	2	0.76
Beringin	2	0.76
Biji	2	0.76
Birah	4	1.53

Jenis	Jumlah	Peratus (%)
Cabai	7	1.91
Cekur	2	0.76
Cempedak	8	3.05
Cendawan	7	2.67
Delima	2	0.76
Duri	6	2.29
Durian	6	2.29
Enau	4	1.53
Ijuk	3	1.15
Inai	3	1.15
Jagung	2	0.76
Kacang	3	1.15
Kaduk	3	1.15
Kepayang	2	0.76
Kiambang	4	1.53
Labu	3	1.15
Lalang	5	1.91
Limau	4	1.53
Mayang	2	0.76
Mentimun	5	1.91
Mumbang	3	1.15
Nangka	5	1.91
Nyiur	11	4.19
Padi	26	9.92
Peria	2	0.76

Jenis	Jumlah	Peratus (%)
Petai	3	1.15
Pinang	6	2.29
Pisang	15	5.73
Rotan	8	3.05
Ruas	4	1.53
Rumbia	2	0.76
Rumput	7	2.67
Sabut	3	1.15
Saga	3	1.15
Sirih	7	2.67
Tebu	20	7.63
Terung	4	1.53
Ubi	3	1.15
Ulam	4	1.53
Jumlah	262	100 %

4.2. Analisis Data

Data-data analisis disusun mengikut urutan sebagaimana susunan dalam Data Terkumpul (lihat 3.1).

4.2.1 Kata Ara

Permaknaan denotatif bagi kata ara ialah sejenis tumbuhan yang termasuk jenis fikus dan bukan jenis fikus.

Kata ara mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. sesuatu (1, 3, 4)

Kata ara mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. tidak terus berjalan (2)
2. sesuatu yang belum tentu (3)
3. sesuatu yang tidak mungkin (4)
4. orang besar (5)
5. sesuatu (6)
6. yang tidak mungkin terbayar (7)

Permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

Sesuatu [+ abstrak, + perkara, - benda, ± serius]

Komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada satu kategori;

1. Sesuatu

Kategori 'sesuatu' tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sendiri sebagai satu makna yang tersendiri. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ara ini. Permaknaan konotatif ini tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.2 Kata Asam

Permaknaan denotatif bagi kata asam ialah segala sesuatu yang masam rasanya (merujuk kepada buah) dan sejenis tumbuhan.

Kata asam mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. perempuan dan lelaki (1, 3)
2. ingin sekali (2)
3. sepadan (4)

Kata asam mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. tidak ada cacat cela (5)

Ketiga-tiga permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

Perempuan

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Lelaki

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- perempuan
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Ingin sekali

[
+ abstrak
+ berkehendak
+ perasaan yang kuat
]

Sepadan


[
+ abstrak
+ setara
- berbeza
+ keadaan
]

Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia


2. Abstrak

Kategori manusia dipecahkan kepada dua subkategori iaitu manusia menurut jantina lelaki dan perempuan, lihat rajah di bawah;




Kategori manusia adalah superordinat kepada subkategori lelaki dan perempuan. Manakala sub-subkategori merupakan subordinat kepada manusia.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Lelaki
2. Perempuan

Bagaimanapun, hubungan antara dua subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makan saling melengkapi pertentangan. Kedua-dua subkategori ini mempunyai ciri makna khusus bertentangan, iaitu jantina, lihat gambarajah di bawah;




Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu ingin sekali dan sepadan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori ingin sekali dan sepadan sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perasaan yang kuat dan berkehendak bagi subkategori ingin sekali; keadaan, setara dan tidak berbeza bagi subkategori sepadan.

Kedua-dua permaknaan konotatif ingin sekali dan sepadan berubah golongan kata, membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan yang selebihnya tetap dalam lingkungan kata nama.

4.2.3 Kata Aur

Permaknaan denotatif kata aur ialah buluh atau bambu. Dalam peribahasa Melayu, penggunaannya saling bertukar ganti. Begitu juga, terdapat penjenisan buluh yang digunakan dalam binaan peribahasa, iaitu bagi buluh yang besar digunakan kata betung manakala bagi anak buluh digunakan kata rebung. Data kajian menggelompokkan variasi-variasi ini di bawah kumpulan aur.

Kata aur/ buluh/ bambu/ rebung dan betung mempunyai 11 permaknaan konotatif;

1. modal sedikit (aur) (1), laba banyak (betung) (1)
2. orang (2, 3)
3. a).suami isteri (4 i)

   b).persahabatan (4 ii)
4. pekerjaan / perkara (5)
5. yang tidak memadai (7)
6. untung (betung), rugi (aur) (9)
7. pendirian (11)
8. berkata-kata (14)

9. anak-anak (umur) (17, 20, 21)

10. besar (umur) (20)

11. tabiat anak (19)

Kata aur akan membentuk perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. menderita kesusahan dengan sabar (6, 16)
2. anak bujang/anak dagang (8)
3. terlalu jujur (10)
4. pendirian yang berat sebelah (11)
5. pekerjaan (12)
6. nama kaum keluarga (13)
7. berkata-kata dengan cepat (14)
8. suara yang sangat merdu (15)
9. orang yang bersangkutan berdiam diri (18)

Permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada 14 komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

$$\text{Modal sedikit} \begin{bmatrix} + \text{ konkrit} \\ + \text{ material} \\ + \text{ jumlah kecil} \end{bmatrix}$$

Laba banyak

[
+ abstrak
+ keadaan
+ lebihan yang banyak daripada modal
- rugi
]

Orang

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Suami isteri

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
+ dewasa
+ hubungan kahwin
+ akal
± jamak
]

Persahabatan

[
+ abstrak
+ hubungan kawan
± lelaki
± dewasa
]

Pekerjaan
- + abstrak
- + tanggungjawab
- + kewajipan

Perkara
- + abstrak
- + sesuatu
- + hal
- ± serius

Yang tidak memadai
- + abstrak
- - cukup
- + keadaan

Untung
- + abstrak
- - rugi
- + keadaan
- + lebihan dapatan daripada modal

Rugi
- + abstrak
- - laba
- + keadaan
- + kurang dapatan daripada modal

Pendirian
- + abstrak
- + sikap
- + pegangan
- + fahaman

Berkata-kata
- + abstrak
- + perbuatan
- + bercakap

Anak-anak
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- + akal
- + muda
- + keturunan X
- ± jamak

Tabiat anak
- + abstrak
- + sikap
- + kelakuan
- + perbuatan

Kecil (anak)	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki + akal + muda ± jamak
Besar (anak)	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki + dewasa + akal ± jamak


Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Modal sedikit
2. Abstrak
3. Manusia

Daripada tiga kategori di atas, satu daripadanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Kategori modal sedikit tidak menunjukkan


sebarang hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada 10 subkategori, iaitu laba banyak, persahabatan, pekerjaan, perkara, yang tidak memadai, untung, rugi, pendirian, berkata-kata dan tabiat anak, lihat rajah di bawah :-



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori laba banyak. persahabatan . pekerjaan. perkara. yang tidak memadai. untung. rugi, pendirian, berkata-kata dan tabiat anak. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kesemua subkategori ini berkongsi siri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah:-




1. Laba banyak
2. Persahabatan
3. Pekerjaan
4. Perkara
5. Yang tidak memadai
6. Untung
7. Rugi
8. Pendirian
9. Berkata-kata
10. Tabiat anak


Kesemua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, lebihan yang banyak daripada modal dan tidak rugi bagi subkategori laba banyak; hubungan kawan, lelaki/perempuan dan dewasa/tidak dewasa bagi subkategori persahabatan,; tanggungjawab dan kewajipan bagi subkategori pekerjaan; sesuatu, hal dan serius/tidak serius bagi subkategori perkara; keadaan dan tidak cukup bagi subkategori yang tidak memadai; lebihan dapatan daripada modal dan tidak rugi bagi subkategori untung; keadaan, kurangan dapatan dari modal dan tidak laba bagi subkategori rugi; sikap, pegangan dan fahaman bagi subkategori pendirian; perbuatan dan bercakap bagi subkategori berkata-kata; sikap, kelakuan dan perbuatan bagi subkategori tabiat anak.

Berdasarkan pencirian makna khusus di atas terdapat lima subkategori yang membentuk hubungan dalam perkaitan makna. Sub-subkategori tersebut ialah laba banyak, untung, rugi, berkata-kata dan tabiat anak.


Subkategori laba banyak dan untung memperlihatkan hubungan dalam perkaitan makna kontiguiti, yang mempunyai ciri makna penting yang sama, iaitu laba/untung sementara subkategori untung dan rugi menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, kerana ciri makna khusus yang antonim, lihat rajah di bawah;



Sementara subkategori berkata-kata dan tabiat anak berkongsi ciri makna khusus perbuatan untuk membentuk hubungan dalam perkatan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;




Kategori manusia pula dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu orang, anak-anak dan suami isteri; lihat gambarajah di bawah;



Di sini kategori manusia adalah superordinat kepada sub-sub kategori orang, anak-anak dan suami-isteri. Manakala sub-sub kategori ialah subordinat kepada kategori manusia. Subkategori anak-anak dapat dipecahkan kepada dua klas iaitu anak-anak (kecil) dan anak-anak (dewasa). Di sini subkategori anak-anak adalah superordinat kepada klas-klasnya, iaitu anak-anak (kecil) dan anak-anak (dewasa). Sementara klas-klasnya adalah subordinat kepada subkategori anak-anak.


Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, berakal dan jamak/tidak jamak. Perkongsian

ciri makna ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




Ketiga-tiga subkategori ini menunjukkan perbezaan ciri makna khusus, iaitu peringkat umur, subkategori orang dan anak-anak mempunyai ciri makna peringkat umur yang pelbagai, sementara subkategori suami isteri pula mempunyai ciri makna khusus, iaitu lelaki dan wanita yang lazimnya golongan ini adalah mereka yang telah mencapai peringkat umur dewasa.

Subkategori suami isteri yang mempunyai perbezaan ciri makna khusus jantina membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, lihat rajah dibawah;



Manakala subkategori anak-anak juga membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan dari aspek perbezaan peringkat umur, lihat rajah di bawah;



Permaknaan konotatif kata aur/ buluh/ bambu/ rebung/ betung memperlihatkan beberapa perubahan golongan kata. Permaknaan konotatif modal sedikit, laba banyak, untung, yang tidak memadai dan rugi, telah

membentuk golongan kata adjektif. Sementara kategori perbuatan yang merujuk kepada permaknaan konotatif berkata-kata membentuk golongan kata kerja. Permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.4 Kata Bacang

Permaknaan denotatif bagi kata bacang ialah sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya yang sangat kuat baunya). Kata bacang juga dieja dengan 'embacang' dan 'macang'. Data kajian kata ini, memuatkan ketiga-tiga variasi ini.

Kata bacang/ embacang/ macang mempunyai tiga permaknaan konotatif, iaitu;

1. rahsia (1)
2. pandai (3)
3. tidak baik (4)

Kata bacang/embacang/macang membentuk perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang perempuan (2)


Ketiga-tiga permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

Rahsia	+ abstrak + perkara + tersembunyi
Pandai	+ abstrak + sifat + bijak - bodoh
Tidak baik	+ abstrak + keadaan - elok

Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori, iaitu rahsia, pandai dan tidak baik, lihat rajah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori rahsia, pandai dan tidak baik. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Rahsia
2. Pandai
3. Tidak baik

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perkara dan tersembunyi bagi subkategori rahsia; sifat, bijak dan tidak bodoh

bagi subkategori pandai; keadaan dan tidak baik bagi subkategori tidak baik.

Dapatan kajian menunjukkan berlakunya perubahan golongan kata iaitu permaknaan konotatif pandai dan tidak baik membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.5 Kata Balak

Permaknaan denotatif kata balak ialah batang pokok-pokok besar.

Kata balak mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. orang gemuk (1)
2. orang malas bekerja (2)

Kata balak mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. orang gemuk yang malas bergerak (1)
2. orang malas bekerja (2)

Kedua-dua data di atas memerihalkan keadaan kata balak. Kata balak terendam bermaksud kayu yang besar berada di dalam air bagi satu jangka masa yang agak lama.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Kedua-dua permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan epada 2 komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti erikut sebagai maknanya;

Orang gemuk

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ tambun
+ akal
± jamak
]


Orang malas

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- rajin
+ akal
± jamak
]

Kedua-dua komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Manusia

Kategori manusia ini dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu orang gemuk dan orang malas , lihat gambarajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang gemuk dan orang malas sementara sub-subkategori orang gemuk dan orang malas adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak. Keadaan ini mewujudkan perkaitan makna tumpang tindih, lihat gambarajah di bawah;



prkongsian ciri makna
- lelaki, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/ tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak

1. Orang gemuk
2. Orang malas bekerja

Ciri makna yang membezakan kedua-duanya ialah ciri makna khusus tambun bagi subkategori orang gemuk manakala ciri makna tidak rajin merujuk kepada subkategori orang malas.

Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua permaknaan konotatif kata balak telah berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif.

4.2.6 Kata Banir

Permaknaan denotatif bagi kata banir ialah akar yang keluar ke atas tanah seperti papan (pada pangkal pokok beringin, dan lain-lain).

Kata banir mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. rumah (1)

2. tabiat (2)

Kata banir mengalami perluasan makna apabila kata banir berkolokasi dengan kata lain;

1. tabiat yang aneh / keganjilan seseorang (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Rumah
- + konkrit
- - hidup
- + tempat tinggal
- + benda

Tabiat
- + abstrak
- + sifat
- + kelakuan

Kedua-dua komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Rumah
2. Tabiat

Kategori-kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-duanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri dan permaknaan konotatif ini juga tidak membentuk golongan kata yang baru.

4.2.7 Kata Beringin

Permaknaan denotatif kata beringin ialah sejenis tumbuhan (pokok), ara, waringin.

Kata beringin mempunyai dua permaknaan konotatif apabila berkolokasi dengan kata lain:

1. beristeri (bersuami) orang kaya (1)
2. kekerasan orang (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.


Beristeri (bersuamikan) orang kaya	+ abstrak + hubungan perkahwinan ± melibatkan lelaki + kedudukan berada/kaya

Kekerasan orang	+ abstrak
	+ sifat
	+ perlakuan tegas
	- lemah lembut

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu beristeri (bersuamikan) orang kaya dan kekerasan orang, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori beristeri (bersuamikan) orang kaya dan kekerasan orang sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;

Kedua-duanya berbeza berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus hubungan perkahwinan, melibatkan lelaki/perempuan dan kedudukan berada/kaya bagi subkategori beristeri (bersuamikan) orang



1. Beristerikan (bersuamikan) orang kaya
2. Kekerasan orang

kaya; manakala merujuk kepada sifat, perlakuan tegas dan tidak lemah-lembut bagi subkategori kekerasan orang.

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif beristeri (bersuamikan) orang kaya berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata kerja. Sementara permaknaan yang selebihnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.8 Kata Biji

Permaknaan denotatif kata biji ialah bahagian buah yang agak keras dan dapat ditanam.

Kata biji mempunyai dua permaknaan konotatif iaitu;

1. orang (1 (a), 1 (b))

2. yang (2)

Kata biji mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. yang sia-sia (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Yang
[+ abstrak
+ keadaan
± baik]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Orang

2. Yang

Kedua-dua kategori di atas tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-duanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan dalam golongan kata permaknaan konotatif kata biji. Makna konotatif berbudi telah membentuk golongan kata kerja. Sementara permaknaan konotatif nasihat dan yang * tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.9 Kata Birah

Permaknaan denotatif kata birah ialah sejenis tumbuhan (herba).

Kata birah mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. lelaki jahat (1)

2. sama - (2)

3. orang yang pemalas (3)

4. anak-anak (4)

Keempat-empat permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Lelaki jahat

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- perempuan
± dewasa
- baik
+ perlakuan buruk
+ akal
± jamak
]

Sama


[
+ abstrak
- beza
+ keadaan
]

Orang yang pemalas	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa - rajin + perlakuan buruk + akal ± jamak
Anak-anak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Manusia
2. Sama

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada tiga subkategori iaitu lelaki jahat, orang yang pemalas dan anak-anak, lihat rajah di bawah;



Di sini manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori lelaki jahat, orang yang pemalas dan anak-anak manakala sebaliknya, sub-subkategori lelaki jahat, orang yang pemalas dan anak-anak bertindak sebagai subordinat kepada manusia.

Ketiga-tiga subkategori ini mempunyai hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan berakal lihat rajah di bawah;



Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan dalam perkaitan makna antara subkategori lelaki jahat dan orang yang pemalas, antara orang yang pemalas dan anak-anak serta anak-anak dan lelaki jahat. Subkategori lelaki jahat dan orang pemalas berkongsi ciri makna perlakuan negatif, jamak/tidak jamak dan jantina lelaki. Subkategori orang yang pemalas dan anak-anak berkongsi ciri jantina, lelaki/perempuan dan jamak. Dan subkategori anak-anak dan lelaki jahat berkongsi ciri jamak dan jantina lelaki.

Kategori `sama' berdiri sebagai satu makna yang tersendiri bagaimanapun permaknaan konotatif kategori ini telah membentuk golongan kata baru, iaitu kata adjektif. Permaknaan konotatif lain tidak berubah golongan kata.

4.2.10 Kata Cabai

Permaknaan denotatif kata cabai ialah sejenis buah yang berasa pedas (digunakan dalam masakan) juga dikenali dengan nama lainnya cili atau lada.

Kata cabai/cili/lada mempunyai dua permaknaan konotatif;

1.i). tersindir (3a)

ii). salah (3b)

2. bersiap sedia (4)

Kata cabai/cili/lada mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. berani (1,5)

2. celaan keras (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Tersindir [+ abstrak, + ejekan, + tersinggung]


Salah [+ abstrak; + keadaan; - betul; - diterima]

Bersiap sedia [+ abstrak; + keadaan; + perlakuan; + mustaid]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu tersindir, salah dan bersiap sedia, lihat rajah di bawah:



Kategori abstrak ialah superordinat kepada sub-subkategori tersindir, salah dan bersiap sedia. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Tersindir
2. Salah
3. Bersiap sedia

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus ejekan dan tersinggung bagi subkategori tersindir ; keadaan, tidak betul dan tidak diterima bagi subkategori salah; keadaan, perlakuan dan mustaid bagi subkategori bersiap sedia.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif 'bersiap sedia'.Permaknaan konotatif bersiap sedia membentuk golongan kata kerja. Manakala permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.11 Kata Cekur

Permaknaan denotatif kata cekur ialah sejenis tumbuhan (umbinya dibuat ubat).

Kata cekur mempunyai dua permaknaan konotatif iaitu;

1. dewasa (2a)
2. pengalaman (2b)

Kata cekur mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. cukup umur (1)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.


$$\text{Dewasa} \quad \begin{bmatrix} + \text{ abstrak} \\ + \text{ matang} \\ + \text{ peringkat umur tertentu} \end{bmatrix}$$

$$\text{Pengalaman} \quad \begin{bmatrix} + \text{ abstrak} \\ + \text{ keadaan} \\ + \text{ mahir} \end{bmatrix}$$

Kedua-dua permaknaan konotatif ini dapat dikumpulkan kepada satu kategori, iaitu;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu dewasa dan pengalaman, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori dewasa dan pengalaman. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus matang dan peringkat umur tertentu bagi subkategori dewasa; keadaan dan mahir bagi subkategori pengalaman.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini.

4.2.12 Kata Cempedak

Permaknaan denotatif kata cempedak ialah sejenis tumbuhan (pokok yang buahnya seperti nangka)

Kata cempedak mempunyai lapan permaknaan konotatif;

1. yang kuat (1)
2. tiada langsung (2)
3. tidak pada tempatnya (3)
4. perempuan (4)
5. i. salah (5 a)
   ii. kesenangan (5 b)
6. sesuatu perkara (6)
7. yang dikehendaki (7)
8. terpisah jauh (8)

Kata cempedak mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. perempuan gemuk (4)
2. seorang berbuat salah (5 a)
3. seorang mendapat kesenangan (5 b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada sembilan komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Kuat
- + abstrak
- + gagah
- - lemah

Tiada langsung
- + abstrak
- + keadaan
- - ada (-wujud)

Tidak pada tempatnya
- + abstrak
- + keadaan
- - sesuai keadaan
- + rasa janggal

Perempuan
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- - lelaki
- ± dewasa
- + akal
- ± jamak

Salah [+ abstrak ; + keadaan ; - benar]

Kesenangan [+ abstrak ; + keadaan ; + kemewahan]

Perkara [+ abstrak ; + sesuatu ; + hal]

Dikehendaki [+ abstrak ; + keadaan ; + perlu]


Terpisah jauh [+ abstrak ; + keadaan ; - dekat ; + bercerai]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Abstrak


2. Perempuan

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada lapan subkategori iaitu, kuat, tiada langsung, tidak pada tempatnya, salah, kesenangan, perkara, dikehendaki dan terpisah jauh. lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kuat, tiada langsung, tidak pada tempatnya, salah, kesenangan, perkara, dikehendaki dan terpisah jauh. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kelapan-lapan subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kuat
2. Tiada langsung
3. Tidak pada tempatn
4. Salah
5. Kesenangan
6. Perkara
7. Dikehendaki
8. Terpisah jauh

Kelapan-lapan subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing . Ciri makna khusus gagah dan tidak lemah bagi subkategori kuat; keadaan dan tidak ada (tidak wujud) bagi subkategori tiada langsung; tidak sesuai keadaan dan terasa janggal bagi subkategori tidak pada tempatnya; keadaan dan tidak benar bagi subkategori salah; keadaan dan merujuk kepada kemewahan bagi subkategori kesenangan; sesuatu dan hal bagi subkategori perkara; keadaan dan perlu bagi subkategori dikehendaki; keadaan, tidak dekat dan bercerai bagi subkategori terpisah jauh.

Kategori perempuan tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Terdapat lima permaknaan konotatif yang berubah golongan kata. Permaknaan konotatif `kuat', `tiada langsung', `tidak pada tempatnya' dan

'terpisah' membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan konotatif 'dikehendaki' membentuk golongan kata kata kerja. Manakala permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.13 Kata Cendawan

Permaknaan denotatif kata cendawan ialah sejenis tumbuhan yang tidak berwarna hijau, sejenis kulat atau jamur. Dalam peribahasa, selain kata cendawan, kata rabuk juga digunakan untuk merujuk kepada jenis cendawan.

Kata cendawan/rabuk mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. rezeki (1)
2. diselesaikan (2)
3. pucat lesi (3)
4. sesuatu hal yang tak baik (4, 7)
5. perangsang (5)
6. kerja (6)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Rezeki
- ± abstrak
- + untung
- + pulangan hasil

Diselesaikan
- + konkrit
- + dilakukan oleh X
- + tetap/habis/berakhir

Pucat lesi
- + abstrak
- + keadaan
- + putih pudar
- + lesu

Sesuatu hal yang tak baik
- + abstrak
- + perkara
- - elok/baik

Perangsang
- + abstrak
- + perlakuan
- + dorongan/galakan

Kerja
- + abstrak
- + perbuatan/perlakuan
- + tanggungjawab
- + kewajipan

Keenam-enam komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;


1. Rezeki

2. Diselesaikan

3. Abstrak


Kategori rezeki dan diselesaikan tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori-kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada empat subkategori iaitu pucat lesi, sesuatu hal yang tak baik, perangsang dan kerja, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori pucat lesi, sesuatu hal yang tak baik, perangsang dan kerja. Sementara sub-sub kategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Keempat-empat subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Pucat lesi
2. Sesuatu hal yang tak baik
3. Perangsang
4. Kerja

Keempat-empat subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, putih pudar dan lesu bagi subkategori pucat lesi; perkara dan tidak elok/baik bagi subkategori sesuatu hal yang tak baik; perlakuan dan dorongan/galakan bagi subkategori perangsang; perbuatan/perlakuan, tanggungjawab dan kewajipan bagi subkategori kerja.

Terdapat dua permaknaan konotatif kata cendawan/rabuk yang berubah golongan kata. Permaknaan konotatif 'diselesaikan' membentuk golongan kata kerja sementara 'pucat lesi' membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.14 Kata Delima

Permaknaan denotatif kata delima ialah sejenis tumbuhan (pokok renek).

Kata delima mempunyai dua permaknaan konotatif apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. rahsia (1)
2. hidup yang tiada berguna · (2)


Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik di atas akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Rahsia	+ abstrak + tidak diketahui umum + perkara
Hidup yang tiada berguna	+ abstrak + keadaan - perlu - berfaedah

Kedua-dua komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu rahsia dan hidup yang tiada berguna, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori rahsia dan hidup yang tiada berguna. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Rahsia
2. Hidup yang tiada berguna

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak diketahui umum dan perkara bagi subkategori rahsia; keadaan, tidak perlu dan tidak berfaedah bagi subkategori hidup yang tiada berguna.

Tidak berlaku perubahan golongan kata dalam kedua-dua permaknaan konotatif kata ini. Kedua-duanya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.15 Kata Duri

Permaknaan denotatif kata duri ialah bahagian yang tajam terdapat pada tumbuh-tumbuhan atau binatang. Dalam peribahasa Melayu, kata duri juga bertukar ganti dengan kata onak.

Kata duri/onak mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. i). orang cerdik (1a)

   ii). musuh (1b)

2. tidak menyenangkan (2)

3. kekuatan (3)

4. orang lemah (4)

5. orang (5)

6. kesukaran (6)

Kata duri mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang cerdik tak guna diberi nasihat (1a)
2. musuh tak perlu diberi pertolongan (1b)
3. orang miskin (5)
4. kesukaran dan tidak dapat melepaskan diri (6)

Keenam-enam permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tujuh komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang cerdik

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- bodoh
+ akal
± jamak
]

Musuh

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- kawan
± jamak]

Tidak menyenangkan

[+ abstrak
+ keadaan
- disenangi]

Kekuatan

[+ abstrak
+ keadaan
- lemah]

?

Orang lemah

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- kuat
+ akal
± jamak]

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Kesukaran


[+ abstrak
+ keadaan
- senang]

Kesemua komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Manusia

2. Abstrak

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori iaitu orang cerdik, musuh orang lemah dan orang, lihat rajah di bawah;




Manusia adalah superordinat kepada orang cerdik, musuh, orang lemah dan orang. Manakala subkategori orang cerdik, musuh, orang lemah dan orang adalah subordinat kepada manusia. Keempat-empat subkategori ini mempunyai hubungan dalam perkaitan makna rangkuman yang berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak, lihat rajah di bawah;




1. Orang cerdik
2. Musuh
3. Orang lemah
4. Orang

Ciri makna yang membezakan keempat-empat subkategori ini ialah ciri makna khusus subkategori masing-masing, iaitu ciri makna pintar/bijak bagi orang cerdik; ciri makna bukan kawan bagi musuh; tidak kuat bagi subkategori orang lemah; dan ciri makna tidak ada spesifikasi (umum) bagi orang.

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada tiga subkategori iaitu tidak menyenangkan, kekuatan dan kesukaran, lihat rajah di bawah;




Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu tidak menyenangkan, kekuatan dan kesukaran, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori tidak menyenangkan, kekuatan dan kesukaran. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Tidak menyenangkan
2. Kekuatan
3. Kesukaran

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan dan disenangi bagi subkategori tidak menyenangkan; keadaan dan tidak lemah bagi subkategori kekuatan; keadaan dan tidak senang bagi subkategori kesukaran.

Terdapat dua permaknaan konotatif yang berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif, iaitu permaknaan konotatif 'tidak menyenangkan' dan kesukaran.

4.2.16 Kata Durian

Permaknaan denotatif kata durian ialah sejenis tumbuhan (pokok yang buahnya berkulit tebal dan berduri).

Kata durian mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. terpisah jauh (1)
2. keuntungan (2)

3. orang yang berkuasa (3)

4. orang yang kuat dan khianat (4)

5. lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya. (5)

6. orang yang kuat (6a, 6b)

Kata durian mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. keuntungan dengan tidak bersusah payah (2)

2. lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya sehingga diketahui orang. (5)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Terpisah jauh [+ abstrak, + keadaan, - dekat]

Keuntungan [+ abstrak, + keadaan, + rugi]


Orang yang berkuasa	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + berpengaruh + kaya - mulia ± jamak
Orang yang kuat dan khianat	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - lemah + bersifat jahat ± jamak

Lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya	+ hidup + manusia + konkrit - perempuan ± dewasa - perahsia + akal ± jamak
Orang yang kuat	+ hidup + manusia + konkrit ± dewasa ± lelaki - lemah + akal ± jamak


Keenam-enam komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Abstrak
2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu terpisah jauh dan keuntungan, lihat rajah di bawah;




Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori terpisah jauh dan keuntungan. Sementera sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak dan keadaan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Terpisah jauh
2. Keuntungan

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak dekat bagi subkategori terpisah jauh; dan rugi bagi subkategori keuntungan.

Kategori manusia pula dapat dipecahkan kepada empat subkategori iaitu `orang yang berkuasa', `orang yang kuat dan khianat', `lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya' dan `orang yang kuat', lihat rajah di bawah;




Berdasarkan rajah di atas, manusia adalah superordinat kepada sub-subkategorinya iaitu orang yang berkuasa, orang yang kuat dan khianat, lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya dan orang yang kuat. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada manusia. Kesemua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1 Orang yang berkuasa
2. Orang yang kuat dan khianat
3. Lelaki yang tidak dapat menyembunyian rahsia hatinya
4. Orang yang kuat

Keempat-empat subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus berpengaruh, berpangkat, kaya dan mulia bagi subkategori orang yang berkuasa ; tidak lemah dan bersifat jahat bagi subkategori orang yang kuat dan khianat; bukan perempuan dan bukan perahsia bagi subkategori lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya; dan tidak lemah bagi subkategori orang yang kuat.

Di antara keempat-empat subkategori ini, terdapat dua subkategori yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, iaitu subkategori 'orang yang kuat dan khianat' dan 'orang yang kuat'. Kedua-dua subkategori ini selain berkongsi ciri makna umum manusia, juga turut berkongsi ciri makna khusus, iaitu ciri kuat yang merujuk kepada tidak lemah, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus `jahat' bagi subkategori `orang kuat dan khianat' dan ciri makna yang umum (tiada spesifikasi) bagi subkategori `orang yang kuat' sama ada mempunyai ciri makna `yang baik' atau `tidak baik'.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata durian. Permaknaan konotatif `terpisah jauh' membentuk golongan kata adjektif.

4.2.17 Kata Enau

Permaknaan denotatif kata enau ialah sejenis tumbuhan (pokok), aren, kabung.

Kata enau mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. tiada semuafakat (1)
2. perempuan (2, 3b)
3. pekerjaan (3 a)

4. orang hina (4)

Kata enau mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. satu pekerjaan (3a)

2. seorang perempuan (3b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Tiada semuafakat
[+ abstrak
- sehaluan
+ sikap buruk]

Perempuan
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]


Pekerjaan [+ abstrak; + tanggungjawab; + kewajipan]

Orang hina [+ hidup; + manusia; + konkrit; ± lelaki; + akal; - mulia; + martabat rendah; ± jamak]

Keempat-empat komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Abstrak
2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu tiada semuafakat dan pekerjaan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori tiada semuafakat dan pekerjaan. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.


Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Tiada semuafakat
2. Pekerjaan


Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak sehaluan dan sikap buruk bagi subkategori tiada semuafakat; tanggungjawab dan kewajipan bagi subkategori pekerjaan.

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu perempuan dan orang hina, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori perempuan dan orang hina. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman. Kedua-duanya berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak. Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ialah, ciri makna khusus jantina dan kedudukan martabat, lihat rajah di bawah;



1. Perempuan
2. Orang hina

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif `tiada semuafakat' membentuk golongan kata adjektif, sementara itu, permaknaan lain tidak berubah golongan kata.

4.2.18 Kata Ijuk

Permaknaan denotatif kata ijuk ialah sejenis serabut yang berwarna hitam pada pangkal pelepah enau (boleh dibuat tali dan atap).

Kata ijuk mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. yang tidak berguna (1)
2. kaum kerabat (3)

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan permaknaan konotatif kata ijuk apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. barang yang tidak berguna (1)
2. pencarian (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Yang tidak berguna

[
± abstrak
- perlu
+ benda
- manfaat
]

Kaum kerabat

[
+ hidup
+ manusia
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ hubungan keluarga
± jamak
]

Komponen semantik di atas dapat dipecahkan kepada dua kategori;

1. Yang tidak berguna
2. Kaum kerabat

Kedua-dua komponen semantik di atas tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kesemuanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemuanya masih dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.19 Kata Inai

Permaknaan denotatif kata inai ialah sejenis tumbuhan (pokok kecil yang daunnya digunakan sebagai bahan pemerah kuku dan jari).

Kata inai mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. usaha (2)
3. harus (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Usaha [+ abstrak ; + gerak ; + daya]


Harus [+ abstrak ; + keadaan ; ± mesti]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Orang
2. Abstrak


Kategori orang tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu usaha dan harus, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori usaha dan harus sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Usaha
2. Harus

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain, berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus gerak dan daya bagi subkategori usaha; keadaan dan mesti/tidak mesti bagi subkategori harus.

Terdapat perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif 'harus' yang membentuk golongan kata adjektif. Sementara, permaknaan konotatif lain tidak berubah golongan kata.

4.2.20 Kata Jagung

Permaknaan denotatif kata jagung ialah sejenis tumbuhan yang buahnya bertongkol dan berbijirin yang boleh dimakan.

Kata jagung mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. kaya (berilmu) (1) .
2. kemewahan (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Kaya (berilmu)

[
+ abstrak
+ memiliki pengetahuan luas
+ kemahiran
]


Kemewahan

[
+ abstrak
+ keadaan
- miskin
+ senang
]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu kaya (berilmu) dan kemewahan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kaya (berilmu) dan kemewahan. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak dan keadaan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kaya (berilmu)
2. Kemewahan

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak miskin, senang, memiliki pengetahuan luas dan mempunyai kemahiran bagi subkategori kaya (berilmu); tidak miskin dan senang bagi subkategori kemewahan.

Permaknaan konotatif 'kaya' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Sementara permaknaan konotatif yang lain tidak berubah golongan kata.

4.2.21 Kata Kacang

Permaknaan denotatif kata kacang ialah sejenis tumbuhan dan buahnya.

Kata kacang mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. melonjak-lonjak kegirangan (1)
2. bunyi suara (2)
3. orang (3)


Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen semantik di atas akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Melonjak-lonjak kegirangan	+ abstrak + keadaan + melompat-lompat gembira + gerak
Bunyi suara	+ abstrak + gabungan bunyi ± dihasilkan oleh manusia
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak


Ketiga-tiga komponen semantik ini dapat dikumpulkan kepada dua kategori:-

1. Abstrak
2. Orang

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu melonjak-lonjak kegirangan dan bunyi suara, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori melonjak-lonjak kegirangan dan bunyi suara. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Melonjak-lonjak kegirangan
2. Bunyi suara

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan

melompat-lompat gembira dan gerak bagi subkategori melonjak-lonjak kegembiraan; gabungan bunyi dan dihasilkan oleh manusia atau haiwan bagi subkategori bunyi suara.

Kategori manusia tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif `melonjak-lonjak kegirangan' membentuk golongan kata kerja. Sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.22 Kata Kaduk

Permaknaan denotatif kata kaduk ialah sejenis tumbuhan (pokok renek).

Kata kaduk mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang yang tidak berguna (1)
2. orang hina (2)
3. berkembang biak dan lama hidup (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik di atas akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang tidak berguna

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ sampah masyarakat
- memberi faedah kepada X
± jamak
]

Orang hina

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- mulia
+ status rendah
± jamak
]


Kembang biak dan lama hidup	± abstrak
	+ jumlah besar
	+ lanjut usia
	- tetap
	+ gerak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia


2. Berkembang biak dan lama hidup

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu orang yang tidak berguna dan orang hina, lihat rajah di bawah;



Manusia adalah superordinat kepada sub-subkategorinya, manakala sub-subkategorinya adalah subordinat kepada manusia. Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit

lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang yang tidak berguna
2. Orang hina

Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori di atas ialah ciri makna khusus masing-masing iaitu, sampah masyarakat dan tidak memberi faedah bagi subkategori`orang yang tidak berguna' manakala ciri makna status rendah dan tidak mulia bagi subkategori `orang hina'.

Sementara itu, kategori `berkembang biak dan lama hidup' tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Bagaimanapun, kategori ini membentuk golongan kata kerja bagi permaknaan konotatifnya. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.23 Kata Kepayang

Permaknaan denotatif kata kepayang ialah sejenis tumbuhan (pokok) yang bijinya memabukkan.

Kata kepayang mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. sesuatu (1)

Kata kepayang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. sesuatu masalah yang sangat sulit (1)
2. sesuatu yang amat disayangi (2)

Permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Sesuatu [+ abstrak, + perkara, + hal, ± serius]

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori

1. Sesuatu

Kategori sesuatu tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini.

4.2.24 Kata Kiambang

Permaknaan denotatif kata kiambang ialah sejenis tumbuhan yang terapung-apung di air.

Kata kiambang mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. dua pihak yang berselisih (i, 2)
2. bercerai (2)
3. tidak tetap (4)

Permaknaan konotatif di atas mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. dua pihak yang berselisih akan berbaik kembali (1, 2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Dua pihak yang berselisih

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- damai
+ bersengketa
+ jamak
]

Bercerai

[
+ abstrak
+ keadaan
+ pisah
]

Tidak tetap

[
+ abstrak
+ keadaan
- statik/konsisten
]


Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Dua pihak yang berselisih


2. Abstrak

Kategori 'dua pihak yang berselisih' tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Sementara itu, kategori 'abstrak' dapat dipecahkan kepada dua subkategori iaitu, 'bercerai' dan 'tidak tetap' lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori bercerai dan tidak tetap . Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, menunjukkan perkongsian ciri makna abstrak, dan keadaan, lihat rajah di bawah;



1. Bercerai
2. Tidak tetap

Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna `pisah' bagi subkategori bercerai, manakala ciri makna `tidak statik/konsisten bagi subkategori `tidak tetap'.

Kedua-dua subkategori ini mempunyai permaknaan konotatif yang membentuk golongan kata kerja bagi `bercerai' dan kata adjektif bagi `tidak tetap'. Permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.25 Kata Labu

Permaknaan denotatif kata labu ialah sejenis tumbuhan (herba memanjat) dan buahnya.

Kata labu mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. barang yang tiada diketahui (1)
2. gadis (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Barang yang tiada diketahui

- + konkrit
- + benda
- -tahu/arif

gadis

- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- - lelaki
- ± dewasa
- + akal
- + perawan
- ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Barang yang tiada diketahui
2. Gadis

Kedua-dua kategori di atas tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kesemuanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan kata ini.

4.2.26 Kata Lalang

Permaknaan denotatif kata lalang ialah sejenis tumbuhan (rumput yang tinggi).

Kata lalang mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. mati (1)
2. orang lain (2)
3. kejahatan (4)
4. nasib yang malang (5)

Kata lalang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. yang tidak dapat ditolak (3)
2. kejahatan yang diperbuat (4)


Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik di atas akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Mati	+ abstrak + keadaan - hidup + berlaku pada yang bernyawa
Orang lain	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - diri sendiri ± jamak
Kejahatan	+ abstrak + perlakuan - baik - disukai
Nasib yang malang	+ abstrak + keadaan + takdir buruk

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Abstrak
2. Orang lain

Kategori `abstrak' dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu `mati', kejahatan dan `nasib yang malang', lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori mati, kejahatan dan nasib yang malang. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, menunjukkan ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri abstrak, lihat rajah di bawah;



1. Mati
2. Kejahatan
3. Nasib yang malang

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, tidak hidup dan berlaku pada yang bernyawa bagi subkategori `mati; ciri makna khusus perlakuan tidak baik dan tidak disukai bagi subkategori kejahatan; keadaan dan takdir buruk bagi subkategori nasib yang malang.

Kategori `orang lain' tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan berlakunya perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif `mati' dan `tidak dapat' yang telah membentuk golongan kata adjektif. Sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.27 Kata Limau

Permaknaan denotatif kata limau ialah sejenis tumbuhan (pokok atau pokok renek dan buahnya).

Kata limau mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. hukuman/pertimbangan (1, 2)
2. orang (3)
3. kelebihan (4)

Kata limau mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. hukuman/pertimbangan yang kurang adil/berat sebelah (1)
2. hukuman yang berat sebelah (2)
3. orang yang telah pandai (3)
4. kelebihan daripada yang lain (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Hukuman/pertimbangan [+ abstrak
                       ⊤ pengadilan
                       + dilakukan oleh orang yang tertentu]

Orang [+ hidup
        + manusia
        + konkrit
        ± lelaki
        ± dewasa
        + akal
        ± jamak]

Kelebihan [± abstrak
            ± keadaan
            ± benda
            + istimewa daripada lain]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Hukuman/pertimbangan

2. Orang

3. Kelebihan

Ketiga-tiga kategori di atas tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Ketiga-tiganya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini.

4.2.28 Kata Mayang

Permaknaan denotatif kata mayang ialah bunga kelapa (pinang, mabung dan lain-lain) yang masih di dalam seludangnya.

Kata mayang mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. seseorang (1)
2. orang (2)


Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Seseorang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - jamak
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Manusia

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu seseorang dan orang, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori seseorang dan orang. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori di atas berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Seseorang
2. Orang

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus bilangan tidak jamak (tunggal) bagi subkategori seseorang; dan bilangan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

4.2.29 Kata Mentimun

Permaknaan denotatif kata mentimun ialah sejenis tumbuhan (pokok menjalar). Kata mentimun juga disebut sebagai timun atau entimun.

Kata mentimun/timun/entimun mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang bodoh (1)
2. orang yang lemah (2)
3. orang kecil (5)

Kata entimun dan timun mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. terkecuali tidak masuk hitungan dalam pergaulan (3)
2. mulut manis (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat dikalsifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.


Orang bodoh	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - pandai ± jamak
Orang yang lemah	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - kuat ± jamak

Orang kecil	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - pengaruh - berpangkat - mulia ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Manusia

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada tiga subkategori; iaitu orang bodoh, orang yang lemah dan orang kecil, lihat rajah di bawah;



Manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang bodoh, orang yang lemah dan orang kecil, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada manusia.

Ketiga-tiga subkategori ini mempunyai persamaan ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan, jamak/tidak jamak,. Perkongsian ciri makna ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang bodoh
2. Orang yang lemah
3. Orang kecil

Ciri makna yang membezakan ketiga-tiga subkategori ini ialah ciri makna khusus,iaitu tidak pandai bagi subkategori orang bodoh; tidak kuat bagi orang subkategori yang lemah dan tidak berpangkat, tidak berpengaruh, tidak mulia bagi subkategori bagi orang kecil.

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif kata mentimun/ timun/entimun tidak berubah golongan kata. Ketiga-tiganya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.30 Kata Mumbang

Permaknaan denotatif kata mumbang ialah putik kelapa (yang masih kecil-kecil).

Kata mumbang mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. kurang berharga (1)
2. sesuatu yang sia-sia (2)
3. umur muda (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Kurang berharga

[
+ abstrak
+ keadaan
- bernilai
- manfaat
]

Sesuatu yang sia-sia


[
+ abstrak
+ perkara
+ keadaan negatif
- berhasil
]

Umur muda [+ abstrak ; + keadaan ; - tua]

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori, iaitu kurang berharga, sesuatu yang sia-sia dan umur muda, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kurang berharga, sesuatu yang sia-sia dan umur muda. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kurang berharga
2. Sesuatu yang sia-sia
3. Umur muda

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, tidak bernilai dan tidak bermanfaat bagi subkategori kurang berharga; perkara, keadaan negatif dan tidak berhasil bagi subkategori sesuatu yang sia-sia; keadaan dan tidak tua bagi subkategori umur muda.

Permaknaan konotatif 'kurang berharga' membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.31 Kata Nangka

Permaknaan denotatif kata nangka ialah sejenis tumbuhan pokok buah-buahan yang buahnya berulas-ulas dan boleh dimakan.

Kata nangka mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. seseorang (2)
3. i). salah (4a)

   ii). kesenangan (4b)
4. bersalah (5)

Kata nangka mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. orang yang gemuk (1)
2. seseorang yang tambun (2)
3. mangsa (3)
4. seseorang berbuat salah (4a)
5. seorang mendapat kesenangan (4b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lima komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Seseorang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Salah

[+ abstrak
+ keadaan
- betul]

Kesenangan

[+ abstrak
+ keadaan
+ mewah]


Bersalah

- + abstrak
- + keadaan
- + perlakuan
- -betul

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia
2. Abstrak


Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu orang dan seseorang, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia ialah superordinat kepada sub-subkategori orang dan seseorang, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.


Kedua-dua subkategori ini menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna rangkuman. Sub-subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia,

konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal, lihat rajah di bawah;




Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri jumlah, bagi subkategori orang boleh jamak/tunggal, manakala subkategori seseorang mesti tunggal (- jamak).

Kategori abstrak pula dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu salah, kesenangan dan bersalah, lihat rajah di bawah;




Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori salah, kesenangan dan bersalah, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Sub-subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, berkongsi ciri makna abstrak dan keadaan, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan ketiga-tiga subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing, iaitu, tidak betul bagi subkategori salah,; mudah/kemewahan bagi subkategori kesenangan dan perlakuan serta tidak betul bagi subkategori bersalah.

Subkategori salah dan bersalah membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, iaitu perkongsian ciri makna abstrak, keadaan dan tidak betul, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus, iaitu tiada spesifikasi bagi subkategori salah. Manakala subkategori bersalah mempunyai makna khusus perlakuan.

Dapatan kajian menunjukkan, hanya permaknaan konotatif `bersalah' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata kerja, sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.32 Kata Nyiur

Permaknaan denotatif kata nyiur ialah sejenis tumbuhan (palma dan buahnya). Nyiur juga dikenali dengan nama kelapa dan kerambil.

Kata nyiur/kelapa/kerambil mempunyai sembilan permaknaan konotatif;

1. anak-anak (1)
2. nasihat orang (2)
3. gadis (4)
4. orang (5, 6)
5. hasil (7)
6. i). makanan (8 a)
   ii). keuntungan (8 b)
7. benda (9)
8. bersaudara (10)
9. kepala negeri (11)

Kata nyiur/kelapa/kerambil mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. anak-anak itu daripada seibu sebapa (1)
2. ganti yang hilang (3)

3. orang muda (5)

4. orang yang ramai anak cucunya (6)

5. makanan/keuntungan yang sedikit (8)

6. benda baik (9)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada sepuluh komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknannya.

Anak-anak

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ keturunan X
+ jamak
]

Nasihat orang

[
+ abstrak
+ kata-kata baik
+ diberikan oleh seseorang
]


Gadis	+ hidup + manusia + konkrit - lelaki ± dewasa + akal + perawan ± jamak
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Hasil	± abstrak ± benda + pulangan daripada sesuatu usaha
Makanan	+ konkrit + benda + boleh dimakan

Keuntungan	[+ abstrak + keadaan ± material + laba]
Benda	[+ konkrit - hidup ± kecil ± guna]
Bersaudara	[+ abstrak + hubungan keluarga + jamak]
Kepala negeri	[+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki + dewasa + akal + ketua pemerintah - jamak]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada empat kategori;


1. Manusia
2. Abstrak
3. Hasil
4. Konkrit

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori, iaitu anak-anak, gadis, orang dan kepala negeri, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori anak-anak, gadis, orang dan kepala negeri, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.


Keempat-empat subkategori berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit dan berakal, untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Anak-anak
2.Gadis
3. Orang
4. Kepala negeri


Ciri makna yang membezakan keempat-empat subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keturunan X dan jamak bagi subkategori anak-anak; bukan lelaki dan jamak/tidak jamak bagi subkategori gadis; tiada spesifikasi bagi subkategori orang; lelaki/ perempuan, dewasa, ketua pemerintah dan tunggal bagi subkategori kepala negeri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu nasihat orang, keuntungan, dan bersaudara, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori nasihat orang, keuntungan dan bersaudara. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Nasihat orang
2. Keuntungan
3. Bersaudara

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus kata-kata baik dan diberikan oleh seseorang bagi subkategori nasihat orang; keadaan, material/tidak material dan laba bagi subkategori keuntungan; hubungan keluarga dan jamak bagi subkategori bersaudara.


Kategori hasil tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori konkrit dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu makanan dan benda, lihat rajah di bawah;



Kategori konkrit adalah superordinat kepada sub-subkategori makanan dan benda. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori konkrit.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna konkrit untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Makanan
2. Benda

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus benda dan boleh dimakan bagi subkategori makanan; tidak hidup, kecil/besar dan berguna/ tidak berguna bagi subkategori benda.

Dapatan kajian menunjukkan, tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata nyiur/kelapa/kerambil. Semuanya tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama.

4.2.33 Kata Padi

Permaknaan denotatif kata padi ialah sejenis tumbuhan (rumput yang buahnya dijadikan beras).

Kata padi mempunyai 18 permaknaan konotatif;

1. orang yang mampu (2, 3)
2. orang yang suka menolak (4)
3. tidak sombong / merendah diri (5, 6, 8)
4. berbuat baik (7)
5. siapa (orang)? (9, 10, 25)
6. anak isteri (11, 13)
7. pencarian yang tetap (12)
8. yang baik (14)
9. seseorang (15)
10. anak (16)
11. keuntungan (17, 18)
12. adat (19)

13. kekayaan (20)

14. buah fikiran (21)

15. keluarga (22)

16. kita (23)

17. hasil (26)

Kata padi mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. rezeki (1)

2. seseorang lemah yang akan membalas budi orang yang menolongnya. (15)

3. keuntungan yang berlipat ganda (17)

4. keuntungan tanpa bersusah payah (18)

5. yang lebih baik (24)

6. orang sombong (25)

Permaknaan konotatif di atas dapat dikalsifikasikan kepada 17 komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang mampu	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + upaya ± jamak
Orang yang suka menolak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - terima selalu - sudi ± jamak
Tidak sombong/merendah diri	+ abstrak + perlakuan - hidung tinggi

Berbuat baik

[
+ abstrak
+ perlakuan
- jahat
]

Orang

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Anak isteri

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± hubungan keluarga
± jamak
]

Pencarian yang tetap

[
+ abstrak
+ sumber sesuatu
- berubah
]

Yang baik

[± konkrit
± benda
± sesuatu
+ elok]

Seseorang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Anak

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ keturunan X
± jamak]


Keuntungan	+ abstrak + keadaan ± material + laba + rezeki
Adat	+ abstrak + perkara + amalan lama + resam
Kekayaan	+ abstrak + keadaan + mewah - miskin
Buah fikiran	+ abstrak + pemikiran + dilakukan oleh X
Keluarga	+ hidup + konkrit ± jumlah besar + hubungan darah + kumpulan manusia

Kita	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + jamak
Hasil	± abstrak ± benda + pulangan daripada sesuatu usaha

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;


1. Manusia
2. Abstrak
3. Umum

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada lapan subkategori, iaitu orang yang mampu, orang yang suka menolak, orang, anak isteri, seseorang, anak, keluarga dan kita, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategorinya, orang yang mampu, orang yang suka menolak, orang, anak isteri, seseorang, anak, keluarga dan kita manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.


Kelapan-lapan subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, konkrit, manusia, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal, lihat rajah.




1. Orang yang mampu
2. Orang yang suka menolak
3. Orang
4. Anak isteri
5. Seseorang
6. Anak
7. Keluarga
8. Kita

Ciri makna yang membezakan antara kelapan-lapan subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna berupaya dan jamak/ tidak jamak bagi subkategori orang yang mampu; tidak menerima selalu atau tidak sudi dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang yang suka menolak; sifat umum (tiada spesifikasi) bagi subkategori orang; hubungan perkahwinan dan hasil perkahwinan serta jamak/tidak jamak subkategori anak isteri; tunggal bagi subkategori seseorang; keturunan X dan jamak/tidak jamak bagi subkategori anak; dan hubungan darah dan + jamak bagi subkategori keluarga; jamak bagi subkategori kita.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tujuh subkategori, iaitu tidak sombong/merendah diri, berbuat baik, pencarian yang tetap, keuntungan adat, kekayaan dan buah fikiran, lihat rajah di bawah;




Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori tidak sombong/merendah diri, berbuat baik, pencarian yang tetap, keuntungan adat, kekayaan dan buah fikiran. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Ketujuh-tujuh subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Tidak sombong/merendah diri
2. Berbuat baik
3. Pencarian yang tetap
4. Keuntungan
5. Adat

Ketujuh-tujuh subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perlakuan dan tidak hidung tinggi bagi subkategori tidak sombong/merendah diri; perlakuan dan tidak jahat bagi subkategori berbuat baik; sumber sesuatu dan tidak berubah bagi subkategori pencarian yang tetap; keadaan, berbentuk material/tidak material, laba dan rezeki bagi subkategori keuntungan; perkara, amalan lama dan resam bagi subkategori adat; keadaan/mewah dan tidak miskin bagi subkategori kekayaan; pemikiran dan dilakukan oleh X bagi subkategori buah fikiran.

Berdasarkan pencirian makna di atas, terdapat dua subkategori yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna tumpang-tindih. Sub-subkategori tersebut ialah tidak sombong/merendah diri dan berbuat baik. Kedua-dua subkategori ini selain berkongsi ciri makna abstrak, juga berkongsi ciri nama perlakuan, lihat rajah di bawah;




Kategori umum dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu yang baik dan hasil, lihat rajah di bawah;



Kategori umum adalah superordirat kepada sub-subkategori yang baik dan hasil. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori umum.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak/konkrit dan benda/bukan benda bagi membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman; lihat rajah di bawah;



1. Yang Baik
2. Hasil

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus elok bagi subkategori yang baik; pulangan sesuatu usaha bagi subkategori hasil.

Terdapat dua permaknaan konotatif yang berubah golongan kata. Permaknaan konotatif `tidak sombong/merendah diri' membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan konotatif `berbuat baik' membentuk golongan kata kerja. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.34 Kata Peria

Permaknaan denotatif kata peria ialah sejenis tumbuhan (pokok menjalar yang buahnya pahit dan dibuat sayur).

Kata peria mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. kurang (2a)

Kata peria mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang jahat perangainya (1)
2. kurang baik (2a)
3. penyesalan (2b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

$$\text{Kurang} \begin{bmatrix} + \text{ abstrak} \\ + \text{ keadaan} \\ - \text{ cukup} \end{bmatrix}$$

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori iaitu;

1. Kurang

Kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Permaknaan konotatif 'kurang' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan yang lain tidak berubah golongan kata.

4.2.35 Kata Petai

Permaknaan denotatif kata petai ialah sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya, bijinya berbau haring).

Kata petai mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. membual/omong (2a)
3. tak berguna (benda/orang) (3)

Kata petai mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. omong kosong (2b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Membual/omong kosong

[
+ abstrak
+ perlakuan
+ bersembang
+ melibatkan lebih daripada seorang
]

Tak berguna


[
+ abstrak
+ keadaan
+ berguna
± merujuk benda/orang
]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dipecahkan kepada dua kategori;


1. Orang
2. Abstrak

Kategori orang tidak membentuk hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada dua subkategori iaitu membual/omong kosong dan tak berguna, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori membual/ omong kosong dan tak berguna, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Membual/omong kosong
2. Tak berguna

Kedua-dua subkaegori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perlakuan, bersembang dan melibatkan lebih daripada seorang bagi subkategori membual/omong kosong; keadaan, berguna dan merujuk kepada benda/orang bagi subkategori tak berguna.

Permaknaan konotatif `membual/omong' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata kerja. Permaknaan konotatif `tak berguna' membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.36 Kata Pinang

Permaknaan denotatif kata pinang ialah sejenis tumbuhan (yang buahnya dimakan dengan sirih)

Kata pinang mempunyai lima permaknaan konotatif;

1. pekerjaan (1)
2. orang (3)
3. sesuai (4)
4. perempuan (5)
5. sama (serupa) (6)

Kata pinang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. belum berpengalaman (2)
2. orang lain (3)
3. perempuan yang sudah berumur (5)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lima komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Pekerjaan
- + abstrak
- + kewajipan
- + tanggungjawab

Orang
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + akal
- ± jamak

Sesuai [+ abstrak; + keadaan; + padan]

Perempuan [+ hidup; + manusia; + konkrit; - lelaki; ± dewasa; + akal; ± jamak]


Sama (serupa) [+ abstrak; + keadaan; - beza]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Abstrak


2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu pekerjaan, sesuai dan sama (serupa), lihat rajah di bawah;




Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori pekerjaan, sesuai dan sama (serupa). Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus kewajipan dan tugasan bagi subkategori pekerjaan; keadaan dan padan bagi subkategori sesuai; keadaan dan tiada beza bagi subkategori sama (serupa).

Pencirian makna khusus di atas memperlihatkan dua subkategori yang berkongsi ciri makna khusus. Sub-subkategori sesuai dan sama (serupa) berkongsi ciri makna keadaan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang-tindih, lihat rajah di bawah;




Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori iaitu orang dan perempuan, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang dan perempuan, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman yang menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa , berakal dan jamak/tidak jamak, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Perempuan

Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus jantina. Subkategori perempuan, mempunyai ciri makna khusus tidak lelaki, manakala subkategori orang tidak mempunyai spefikasi jantina.

Dapatan kajian menunjukkan, tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata pinang ini.

4.3.37 Kata Pisang

Permaknaan denotatif pisang ialah sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya) yang bermacam-macam jenisnya.

Kata pisang mempunyai sembilan permaknaan konotatif;

1. hutang (3)
2. didikan (4)
3. masih mentah (5)
4. dengan mudah (6)
5. kesenangan (7)
6. keuntungan (8)
7. usaha (10, 11)
8. keluarga (13)
9. kejadian (15)

Kata pisang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. lemah sekali/tidak berdaya (1)
2. terlalu dingin (2)
3. keuntungan dengan tidak bersusah payah (8)
4. orang yang bersikap positif (9)
5. usaha yang sia-sia (10, 11)
6. mulut manis (12)
7. keluarga yang senang dan berbahagia (13)
8. suka bertolong-tolongan (14)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada sembilan komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Hutang
[+ abstrak
+ keadaan
- tunai]

Didikan
[+ abstrak
+ perlakuan
+ ajaran]

Masih mentah
[+ abstrak
+ keadaan
- pengalaman
+ muda/kecil]

Dengan mudah
[+ abstrak
+ keadaan
- sukar]

Kesenangan
[+ abstrak
+ keadaan
+ kemewahan]

Keuntungan

+ abstrak
+ keadaan
+ laba
+ rezeki

Usaha

+ abstrak
+ perlakuan
+ memajukan sesuatu

Keluarga

+ hidup
+ konkrit
+ hubungan darah
+ kumpulan manusia
± jumlah besar


Kejadian

+ abstrak
+ sesuatu perkara
+ peristiwa

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikategorikan kepada tiga kategori;


1. Abstrak
2. Perlakuan
3. Keluarga

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada enam subkategori, iaitu hutang, masih mentah, dengan mudah, kesenangan, keuntungan dan kejadian lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori hutang, masih mentah, dengan mudah, kesenangan, keuntungan dan kejadian sementara sub-subkategori adalah suborbinat kepada kategori abstrak.


Sub-subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman yang menunjukkan perkongsian ciri makna abstrak, lihat rajah di bawah;



1. Hutang
2. Masih mentah
3. Dengan mudah
4. Kesenangan
5. Keuntungan
6. Kejadian


Ciri makna yang membezakan sub-subkategori ini adalah ciri makna khusus masing-masing. Bagi subkategori hutang ciri makna khusus ialah keadaan dan tidak tunai; keadaan, tidak ada pengalaman dan masih muda/kecil bagi subkategori masih mentah; keadaan dan tidak sukar bagi subkategori dengan mudah; keadaan dan kemewahan bagi subkategori kesenangan; keadaan, laba dan rezeki bagi subkategori keuntungan; sesuatu perkara dan peristiwa bagi subkategori kejadian.

Kategori perlakuan pula dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu didikan dan usaha, lihat rajah di bawah;



Kategori perlakuan adalah superordinat kepada sub-subkategori didikan dan usaha, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori perlakuan.

Kedua-dua subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, yang menunjukkan perkongsian ciri makna abstrak dan perlakuan, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus ajaran bagi didikan dan memajukan sesuatu bagi subkategori usaha.

Kategori keluarga tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Permaknaan konotatif `masih mentah' dan `dengan mudah' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.38 Kata Rotan

Permaknaan denotatif kata rotan ialah sejenis tumbuhan (palma yang memanjat dan digunakan untuk kerusi, tikar dan lain-lain).

Kata rotan mempunyai lapan permaknaan konotatif;

1. kesenangan (1)
2. orang (2)
3. perhubungan (3)
4. rakyat (4)
5. berpisah (5)
6. yang lebih baik (6)
7. anggota keluarga (7)
8. yang baik (8)

Kata rotan mengalami perluasan makna berkolokasi dengan kata lain.

1. rakyat kuat kerana persatuannya (4)

2. seseorang anggota keluarga (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lapan komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Kesenangan
- + abstrak
- + keadaan
- + kemewahan

Orang
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + akal
- ± jamak

Perhubungan
- + abstrak
- + keadaan
- + kaitan antara satu sama lain (manusia)


Rakyat	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + penduduk sebuah kawasan + jamak
Berpisah	+ abstrak + keadaan + bercerai
Yang lebih baik	+ abstrak + keadaan + bermutu tinggi
Anggota keluarga	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + hubungan darah ± jamak

Yang baik $\begin{bmatrix} + \text{ abstrak} \\ + \text{ keadaan} \\ + \text{ bermutu} \end{bmatrix}$

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Abstrak
2. Manusia

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada lima kategori, iaitu kesenangan, perhubungan berpisah, yang lebih baik dan yang baik, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kesenangan, perhubungan berpisah, yang lebih baik, dan yang baik, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.


Kelima-lima subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, menunjukkan perkongsian ciri makna abstrak dan keadaan, lihat rajah di bawah;




1. Kesenangan
2. Perhubungan
3. Berpisah
4. Yang lebih baik
5. Yang baik

Ciri makna yang membezakan kelima-limanya ialah ciri makna khusus masing-masing iaitu kemewahan bagi subkategori kesenangan; ada kaitan antara satu sama lain (manusia) bagi subkategori perhubungan; bercerai bagi kategori berpisah; bermutu tinggi bagi subkategori yang lebih baik; dan bermutu bagi subkategori yang baik.

Percirian makna khusus di atas memperlihatkan tiga subkategori yang membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan iaitu yang baik - yang lebih baik. Sub-subkategori ini merujuk kepada tahap mutu, lihat rajah di bawah;




Kategori manusia dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu orang, rakyat dan anggota keluarga, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori, rakyat dan anggota keluarga. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Ketiga-tiga subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, yang menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Rakyat
3. Anggota keluarga

Ciri makna yang membezakan ketiga-tiganya ialah ciri makna khusus masing-masing, iaitu tiada spesifikasi bagi subkategori orang; jumlah bilangan jamak dan penduduk sebuah kawasan bagi subkategori rakyat, sementara hubungan darah dan jamak/tidak jamak bagi subkategori anggota keluarga.

Terdapat perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata rotan. Permaknaan konotatif `berpisah' membentuk golongan kata kerja, manakala `yang lebih baik' dan `yang baik' membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.39 Kata Rumbia

Permaknaan denotatif kata rumbia ialah sejenis tumbuhan (yang menghasilkan sagu dan daunnya di buat atap).

Kata rumbia mempunyai dua permaknaan konotatif:

1. yang baik (1)
2. sesuatu (2)

Kata rumbia mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. sesuatu yang tak mungkin (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.


Yang baik	+ abstrak
	+ keadaan
	+ elok
	+ bermanfaat

Sesuatu	+ abstrak	
	+ perkara	
	+ hal	

Kedua-dua permaknaan konotatif di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu yang baik dan sesuatu. lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori yang baik dan sesuatu, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Yang baik
2. Sesuatu

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, elok dan bermanfaat bagi subkategori yang baik; perkara dan hal bagi subkategori sesuatu.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlakunya perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif ini.

4.2.40 Kata Rumput

Permaknaan denotatif kata rumput ialah sejenis tumbuhan yang melata di bumi (berdaun tirus dan kecil, biasanya menjadi makanan lembu, kambing dan sebagainya).

Kata rumput mempunyai tujuh permaknaan konotatif;

1. cacat cela (1)
2. suasana (2)

3. orang (3)

4. perempuan (4)

5. tempat yang luas (5)

6. orang miskin (6)

7. i) orang melarat dan miskin (7a)

   ii) orang telah lama sakit (7b)

Kata rumput mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. Cacat cela orang lain (1)

2. Orang melarat (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lapan komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Cacat cela
- ± abstrak
- + keadaan
- ± material
- + kekurangan . sesuatu
- - sempurna

Suasana	[+ abstrak + keadaan + persekitaran]
Orang	[+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak]
Perempuan	[+ hidup + manusia + konkrit - lelaki ± dewasa + akal ± jamak]
Tempat yang luas	[+ konkrit + kawasan - kecil - sempit]

Orang miskin	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	- kaya
	- mulia
	+ akal
	± jamak


Orang melarat dan miskin	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	- kaya
	- mulia
	+ merempat
	+ akal
	± jamak


± dewasa
- sihat
+ berlanjutan
+ akal
± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Abstrak
2. Manusia
3. Tempat yang luas


Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu, cacat cela dan suasana, lihat rajah di bawah;






Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori cacat cela dan suasana, manakala sub-subkategori ialah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak dan keadaan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




Kedua-dua subkategori ini dibezakan antara satu sama lain oleh ciri makna khusus, kekurangan sesuatu dan tidak sempurna bagi subkategori cacat cela; persekitaran bagi subkategori suasana.

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada lima subkategori, iaitu orang perempuan, orang miskin, orang melarat dan miskin serta orang telah lama sakit, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang perempuan, orang miskin, orang melarat dan miskin serta orang telah lama sakit manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kelima-lima subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa , berakal dan jamak/tidak jamak, untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Perempuan
3. Orang miskin
4. Orang melarat dan miskin
5. Orang telah lama sakit

Kelima-lima subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori orang; tidak lelaki bagi subkategori perempuan; tidak kaya, tidak mulia bagi subkategori orang miskin; tidak kaya, tidak mulia, merempat bagi subkategori orang melarat dan miskin; tidak sihat dan berlanjutan bagi subkategori orang telah lama sakit.

Kategori tempat yang luas tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata <u>rumput</u>. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

4.2.41 Kata Sabut

Permaknaan denotatif kata sabut ialah kulit yang berserat (kulit nyiur, pinang dan lain-lain).

Kata sabut mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. untung-untungan / bernasib baik (1)
2. pekerjaan (2)
3. kaum keluarga dan sahabat handai (3)

Kata sabut mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. Orang yang banyak kaum keluarga dan sahabat handai (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Untung-untungan/ bernasib baik

[+ abstrak
+ keadaan
+ ditentukan takdir
-buruk]


Pekerjaan	+ abstrak + tanggungjawab + kewajipan
Kaum keluarga dan sahabat handai	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± hubungan darah ± jamak

Ketiga-tiga komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori iaitu;


1. Abstrak
2. Kaum keluarga dan sahabat handai

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu untung-untungan/bernasib baik dan pekerjaan, lihat rajah di bawah;

Abstrak



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-suhkategori untung-untungan/bernasib baik dan pekerjaan. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak. Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Untung-untungan/bernasib baik
2. pekerjaan

Kedua-dua subkategori ini berbeza satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, ditentukan takdir dan tidak buruk bagi subkategori untung-untungan/bernasib baik; tanggungjawab dan kewajipan bagi subkategori pekerjaan.

Kategori kaum keluarga dan sahabat handai tidak menunjukkan nubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan, tidak berlaku perubahan makna golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini.

4.2.42 Kata Saga

Permaknaan denotatif kata saga ialah sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya).

Kata saga mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. selalu berubah (1)
2. rupa elok dan kacak (2)
3. sangat kecil (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.


PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Selalu berubah	+ abstrak + keadaan - tetap/konsisten
Rupa elok dan kacak	+ abstrak + keadaan fizikal + tampan + cantik + merujuk wajah manusia
Sangat kecil	+ abstrak + keadaan - besar + merujuk jumlah

Ketiga-tiga komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Abstrak

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada tiga subkategori iaitu selalu berubah, rupa elok dan kacak, dan sangat kecil, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori selalu berubah rupa, elok dan kacak serta sangat kecil. Sementara sub-subkategori merupakan subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan ketiga-tiga subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing, iaitu ciri makna keadaan dan tidak tetap/konsisten bagi subkategori 'selalu berubah'; keadaan fizikal,

tampan, cantik dan merujuk kepada wajah manusia bagi subkategori rupa elok dan kacak; dan ciri makna `tidak besar dan merujuk kepada jumlah bagi subkategori `sangat kecil'.

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif selalu berubah dan sangat kecil berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Sementara permaknaan yang selebihnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.43 Kata Sirih

Permaknaan denotatif kata sirih ialah sejenis tumbuhan (pokok renek yang memanjat dan daunnya dimakan dengan pinang, gambir, kapur dan lain-lain).

Kata sirih mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. yang baik (1)
2. untung (2)
3. orang (3, 5)
4. orang yang dicintai (4)
5. pekerjaan (6)
6. kesenangan (7)

Kata sirih mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. mendapat untung (2)
2. mendapat kesenangan (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tujuh komponen semantik. Kompenen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Yang baik [+ abstrak, + keadaan, + elok]

Untung [+ abstrak, + keadaan, + laba]

Orang [+ hidup, + manusia, + konkrit, ± lelaki, ± dewasa, + akal, ± jamak]


Orang yang dicintai	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + dikasihi ± jamak
Pekerjaan	+ abstrak + tanggungjawab + kewajipan
Kesenangan	+ abstrak + keadaan + mewah

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Abstrak


2. Manusia .

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada empat subkategori, iaitu yang baik, untung, pekerjaan dan kesenangan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori yang baik, untung, pekerjaan dan kesenangan, sementara sub-subkategori merupakan subordinat kepada kategori abstrak.


Keempat-empat subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan keempat-empat subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing, iaitu ciri makna keadaan dan elok bagi


subkategori yang baik; ciri makna keadaan dan laba bagi subkategori untung; tanggungjawab dan kewajipan bagi subkategori pekerjaan; dan ciri makna keadaan dan mewah bagi subkategori kesenangan.

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu orang yang dicintai dan orang, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang yang dicintai dan orang. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori di atas berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang yang dicintai
2. Orang

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. . Ciri makna khusus dikasihi bagi subkategori orang yang dicintai; tiada spesifikasi bagi subkategori orang.

Dapatan kajian menunjukkan, permaknaan konotatif `untung' telah berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.44 Kata Tebu

Permaknaan denotatif kata tebu ialah sejenis tumbuhan (rumput berbatang tinggi dan beruas-ruas) yang menghasilkan gula.

Kata tebu mempunyai 15 permaknaan konotatif;

1. yang manis-manis (1)
2. manis (2)
3. isterinya atau kekasihnya (3)

4. keuntungan (4)

5. yang (5)

6. pujian (6)

7. musuh (9)

8. orang (10, 20)

9. i).yang baik (11 a)

   ii). gadis (11 b)

10. baik (14)

11. hidupan (15)

12. disukai (16)

13. anak (17)

14. anak gadis (18)

15. pemberian (19)

Kata tebu mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. keuntungan dengan tidak bersusah payah (4)

2. orang (7, 8)

3. seorang (12, 13)

4. anak hanya seorang (17)

5. anak gadis seorang (18)

6. pemberian yang sedikit (19)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada 17 komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Yang manis-manis
- + abstrak
- + keadaan
- + rasa seperti gula
- + perkara

Manis
- + abstrak
- + keadaan
- + rasa seperti gula

Isterinya
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- - lelaki
- + dewasa
- + akal
- + hubungan kahwin
- + dicintainya
- ± jamak

Kekasihnya	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + dicintainya + akal - hubungan kahwin ± jamak
Keuntungan	+ abstrak + keadaan + laba
Yang	± abstrak ± benda ± hidup
Pujian	+ abstrak + kata-kata muluk + dinyatakan oleh X

Musuh	+ hidup ± manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa ± jantan ± besar ± akal - kawan ± jamak
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Yang baik	± konkrit + sesuatu ± benda + elok

Gadis	+ hidup + manusia + konkrit - lelaki ± dewasa + akal + perawan ± jamak
Baik	+ abstrak + keadaan + elok
Hidupan	+ hidup ± manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa ± jantan ± besar ± akal ± jamak

Disukai

- + abstrak
- + perlakuan
- + digemari

Anak

- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + keturunan X
- + akal
- ± jamak

Anak gadis


- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- - lelaki
- ± dewasa
- + perawan
- + anak X
- + akal
- ± jamak

Pemberian [+ abstrak
+ perbuatan
+ beri
+ dilakukan oleh X]

Komponen-komponen semantik di atas dapat diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu;


1. Abstrak
2. Hidupan
3. Yang
4. Yang baik

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada tujuh subkategori, iaitu yang manis-manis, manis, keuntungan pujian, baik, disukai dan pemberian, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak ialah superordinat kepada sub-subkategori yang manis-manis, manis, keuntungan, pujian, baik disukai dan pemberian. Manakala sub-subkategori merupakan subordinat kepada kategori keadaan.

Sub-subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Yang manis-manis
2. Manis
3. Keuntungan
4. Pujian
5. Baik
6. Disukai
7. Pemberian

Ketujuh-tujuh kategori ini berbeza berasaskan ciri makna khusus masing-masing iaitu ciri makna keadaan rasa seperti gula dan perkara bagi subkategori yang manis-manis; ciri makna keadaan dan rasa seperti gula bagi subkategori manis; ciri makna keadaan dan laba bagi subkategori keuntungan; kata-kata muluk dan dinyatakan oleh X bagi subkategori

pujian; dan ciri makna keadaan dan elok bagi subkategori baik; perbuatan, beri dan dilakukan oleh X bagi subkategori pemberian.


Bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan terdapat satu hubungan dalam perkaitan makna antara sub-subkategori. Subkategori yang manis-manis dan manis mempunyai ciri makna khusus yang sama iaitu rasa seperti gula untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-duanya ialah ciri makna khusus merujuk kepada perkara bagi subkategori yang manis-manis; dan ciri makna khusus yang tiada spesifikasi bagi subkategori manis yang bersifat umum sama ada benda/perkara.


Kategori hidupan pula dapat dipecahkan kepada dua subkategori iaitu manusia dan haiwan. Subkategori manusia dipecahkan kepada enam klas, iaitu isterinya, kekasihnya, musuh gadis, anak dan anak gadis.

Sementara subkategori haiwan dipecahkan kepada satu klas iaitu musuh, lihat rajah di bawah;




Di sini hidupan merupakan superordinat kepada kedua-dua subkategori, iaitu manusia dan haiwan, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada hidupan. Subkategori manusia pula menjadi superordinat kepada klas-klasnya, manakala klas-klasnya adalah subordinat kepada subkategori manusia. Subkategori haiwan adalah merupakan superordinat kepada klasnya iaitu musuh, manakala klasnya adalah subordinat kepada subkategori haiwan.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, konkrit, jantina, dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah;




Antara dua subkategori ini, wujud hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi bertentangan. Subkategori manusia bertentangan dengan subkategori haiwan berasaskan ciri makna khusus lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal. Manakala haiwan mempunyai ciri makna khusus yang bertentangan, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia dipecahkan kepada enam klas, isterinya, kekasihnya, musuh, gadis, anak dan anak gadis. Keenam-enam klas ini


berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/ tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;




1. Klas isterinya
2. Klas kekasihnya
3. Klas musuh
4. Klas gadis
5. Klas anak
6. Klas anak gadis

Klas-klas ini dibezakan berasaskan ciri makna khusus klas masing-masing, iaitu ciri makna hubungan perkahwinan, dicintai dan bukan lelaki bagi klas isterinya; ciri makna tidak berkahwin dicintai dan lelaki/perempuan bagi klas kekasihnya; ciri makna bukan kawan bagi bagi klas musuh dan ciri makna perawan dan bukan lelaki bagi gadis; keturunan X bagi klas anak; bukan lelaki, perempuan dan anak kepada X bagi klas anak gadis.

Antara enam klas di atas, terdapat empat klas yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Klas-klas tersebut ialah isterinya dan kekasihnya; gadis dan anak gadis. Kedua-dua klas isterinya dan kekasihnya ini berkongsi ciri makna khusus 'dicintai' dan mempunyai ciri makna khusus bertentangan iaitu 'berkahwin' bagi klas isterinya dan tidak berkahwin bagi klas kekasihnya. Hubungan ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi bertentangan, lihat rajah di bawah;



Bagi klas gadis dan klas anak gadis menunjukkan perkongsian ciri makna bukan lelaki dan perawan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang-tindih, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua klas ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna tiada spesifikasi bagi klas gadis dan anak kepada X bagi klas anak gadis.

Klas-klas yang selebihnya tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-dua klas ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori yang , dan, yang baik, tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kesemuanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa permaknaan konotatif yang telah berubah golongan kata. Permaknaan konotatif yang manis-manis, manis, yang baik dan baik membentuk golongan kata adjektif. Sementara permaknaan konotatif disukai membentuk golongan kata kerja. Permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.2.45 Kata Terung

Permaknaan denotatif kata terung ialah sejenis tumbuhan (pokok renek dan herba yang buahnya boleh dimakan).

Kata terung mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. orang (1, 3, 4)
2. pasangan (2)

Kata terung mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang menampakkan kekayaannya (3)
2. orang tua (4)


Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Pasangan	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + kumpulan yang genap bilangannya + akal ± jamak

Koponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;


1. Manusia

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu orang dan pasangan, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang dan pasangan. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori orang; kumpulan yang genap bilangan dan jamak bagi subkategori pasangan.

Dapatan kajian menunjukkan, tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotaif kata terung ini. Kesemuanya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.2.46 Kata Ubi

Permaknaan denotatif kata ubi ialah umbi atau akar (pada tumbuhan tertentu) yang biasanya boleh dimakan.

Kata ubi mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. jahat (1, 2a)
2. a). baik (2a)

   b). aksi (2b)
3. barang yang baik (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Jahat [+ abstrak; + perlakuan; - baik]

Baik [+ abstrak; + perlakuan; - jahat]


Aksi [+ abstrak; + perlakuan; + reaksi]

Barang yang baik [+ konkrit; + benda; + elok; ± besar]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;


1. Abstrak
2. Barang yang baik

Kategori abstrak dapat dipecahkan kepada tiga subkategori jahat, baik dan aksi, lihat rajah di bawah:




Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori jahat, baik dan aksi, manakala sub-suhkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak dan perlakuan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Antara sub-subkategori ini terdapat dua subkategori yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Sub-subkategori ini ialah jahat dan baik. Kedua-dua subkategori ini membentuk hubungan dalam

perkaitan makna saling melengkapi pertentangan kerana ciri makna khususnya adalah antonim, lihat rajah di bawah;



Kategori barang yang baik tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan, dua permaknaan konotatif telah berubah golongan kata untuk membentuk golongan adjektif. Permaknaan konotatif tersebut ialah jahat dan baik. Permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

4.3.47 Kata Ulam

Permaknaan denotatif kata ulam ialah daun-daunnya atau buah-buahan mentah (seperti pegaga, petai dan lain-lain) yang dimakan dengan nasi lalap.

Kata ulam mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. suatu (1)
2. yang (2)
3. lelaki jahat (3)
4. perempuan (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Suatu
[± konkrit
± benda
± hal]

Yang
[+ konkrit
+ benda
- hidup]

Lelaki jahat

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- perempuan
± dewasa
- baik
+ akal
± jamak

Perempuan


+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Suatu
2. Yang
3. Manusia


Kategori suatu dan yang tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-duanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu lelaki jahat dan perempuan, lihat rajah di bawah;




Di sini manusia adalah superordinat kepada kedua-dua subkategori lelaki jahat dan perempuan, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada manusia.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna, hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna knusus bukan perempuan dan tidak baik bagi subkategori lelaki jahat; bukan lelaki bagi subkategori perempuan.

Pencirian makna khusus di atas memperlihatkan kedua-dua subkategori di atas membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, kerana ciri makna khusus yang bertentangan, merujuk kepada jantina, lihat rajah di bawah;



Dapatan kajian menunjukkan tidak berlakunya perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

4.3 KESIMPULAN

Kata nama jenis tumbuhan dikonotatifkan untuk menggambarkan dua aspek. Pertama, keadaan sesuatu perkara yang merangkumi apa-apa sahaja yang berlaku di sekeliling manusia seperti pekerjaan, kesukaran, penderitaan, pertimbangan, hukuman dan sebagainya. Kedua, berkaitan dengan diri manusia, yang merupakan pencirian sifat seperti malas, berani, golongan manusia - lelaki, gadis, perempuan, anak-anak, suami isteri, status manusia umpamanya orang hina, kepala negeri (pemerintah) dan lain-lain lagi.

Penggunaan kata nama jenis tumbuhan ini bukan sahaja digunakan secara 'tersendiri' untuk menggambarkan sesuatu permaknaan, malah kata nama jenis tumbuhan ini dihubungkaitkan dengan kolokasi kata nama jenis tumbuhan tersebut. Gandingan kata nama jenis tumbuhan dengan kata lain secara langsung akan memperluaskan permaknaan konotatif yang didukungi oleh sesuatu kata, lihat rajah di bawah;

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
1. Ara	1. Sesuatu (3,4)	1. Ara hanyut	1. Sesuatu yang belum tentu (3)
		2. Ara tak bergetah	1. Sesuatu yang tidak mungkin (4)
2. Betung	1. Pendirian (11)	1. Betung sebelah/ membelah betung	1. Pendirian yang berat sebelah (11)
3. Buluh	1. Berkata-kata (14)	1. Buluh diperun	1. Berkata-kata dengan cepat (14)
4. Rebung	1. Orang (18)	1. Rebung tidak miang	1. Orang bersangkutan berdiam diri (18)
5. Balak	1. Orang gemuk (1) 2. Orang malas (2)	1. Balak terendam	1. Orang gemuk yang malas (1) 2. Orang malas bekerja (2)
6. Banir	1. Tabiat seseorang (2)	1. Tinggi banir	1. Tabiat yang aneh/keganjilan seseorang (2)
7. Biji	1. Yang * (2)	1. Biji hampa	1. Yang sia-sia (2)

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
9. Cempedak	1. Perempuan (4) 2. Salah (5a) 3. Kesenangan (5b)	1. Cempedak mambung 2. Seorang makan cempedak	1. Perempuan gemuk (4) 1. Seorang berbuat salah (5a) 2. Seorang mendapat kesenangan (5b)
9. Duri	1. Orang cerdik (1a) 2. Musuh (1b) 3. Orang (5) 4. Kesukaran (6)	1. Duri dipertajam 2. Duri sebatang 3. Belukar onak	1. Orang cerdik tak guna diberi nasihat (1a) 2. Musuh tak perlu diberi pertolongan (1b) 1. Orang miskin (5) 1. Kesukaran dan tidak dapat melepaskan diri (6)
10. Durian	1. Keuntungan (2) 2. Lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya (5)	1. Durian runtuh 2. Masak durian	1. Keuntungan dengan tiada bersusah payah (2) 1. Lelaki yang tidak dapat menyembunyikan rahsia hatinya sehingga diketahui orang (5)

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
11. Enau	1. Pekerjaan (3a) 2. Perempuan (3b)	1. Enau sebatang	1. Satu pekerjaan (3a) 2. Seorang perempuan (3b)
12. Ijuk	1. Yang tidak berguna (1)	1. Cincin ijuk	1. Barang yang tidak berguna (1)
13. Kepayang	1. Sesuatu (1)	1. Kepayang muda	1. Sesuatu yang sangat sulit (1)
14. Lalang	1. Kejahatan (4)	1. Tanam lalang	1. Kejahatan yang diperbuat (4)
15. Limau	1. Hukuman/ pertimbangan (1,2) 2. Orang (3) 3. Kelebihan (4)	1. Limau masam sebelah 2. Limau masak sebelah 3. Limau berdiri 4. Limau masak seulas	1. Hukuman/ pertimbangan yang kurang adil (1) 1. Hukuman yang berat sebelah (2) 1. Orang yang telah pandai (3) 1. Kelebihan daripada yang lain (4)
16. Nangka	1. Orang (1) 2. Seseorang (2)	1. Nangka masak	1. Orang yang gemuk (1) 2. Seseorang yang tambun (2)

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
Nyiur	1. Anak-anak (1) 2. Orang (5, 6) 3. Makanan/ keuntungan (8) 4. Benda (9)	1. Nyiur setandan 2. Kelapa muda 3. Kelapa tebal sabut 4. Kelongkong kelapa 5. Tua-tua kelapa	1. Anak-anak itu daripada seibu sebapa (2) 1. Orang muda (5) 1. Orang yang ramai anak cucunya (6) 1. Makanan/ keuntungan yang sedikit (8) 1. Benda baik (9)
Padi	1. Keuntungan (17, 18) 2. Orang (25) 3. Seseorang (15)	1. Padi masak 2. Padi rebah 3. Padi hampa 4. Padi hendak rebah	1. Keuntungan yang berlipat ganda (17) 1. Keuntungan tanpa bersusah payah (18) 1. Orang sombong (25) 1. Seseorang lemah yang akan membalas budi orang yang menolongnya (15)
. Peria	1. Kurang (2a)	1. Peria pahit	1. Kurang baik (2a)
. Pinang	1. Orang (3) 2. Perempuan (5)	1. Pinang sebatang 2. Pinang tua	1. Orang lain (3) 1. Perempuan yang sudah berumur (5)

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
21. Pisang	1. Keuntungan (8) 2. Usaha (10, 11) 3. Keluarga (13)	1. Pisang terkubak 2. Pisang yang berbuah 3. Pisang ditanam tak berjantung 4. Pisang masak	1. Keuntungan dengan tidak bersusah payah (8) 1. Usaha yang sia-sia (10) 1. Usaha yang sia-sia (11) 1. Keluarga yang senang/berbahagia (13)
22. Rotan	1. Rakyat (4) 2. Anggota keluarga (7)	1. Rotan beronak 2. Seutas rotan	1. Rakyat kuat kerana persatuannya (4) 1. Seseorang anggota keluarga (7)
23. Rumbia	1. Sesuatu (2)	1. Buah rumbia masak	1. Sesuatu yang tak mungin (2)
24. Rumput	1. Cacat cela (1) 2. Orang (3)	1. Rumput di halaman orang 2. Rumput yang sudah kering	1. Cacat cela orang lain (1) 1. Orang melarat (3)
25. Sabut	1. Kaum keluarga dan sahabat handainya (3)	1. Sabut tebal	1. Orang yang banyak kaum keluarga dan sahabat handainya (3)

Kata Nama Jenis Tumbuhan		Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	
Donotatif	Konotatif	Donotatif	Konotatif
26. Sirih	1. Untung (2) 2. Kesenangan (7)	1. Sirih naik	1. Mendapat untung (2) 2. Mendapat kesenangan (7)
27. Tebu	1. Keuntungan (4) 2. Anak (17) 3. Anak gadis (18) 4. Pemberian (19)	1. Tebu rebah 2. Tebu seruas 3. Tebu setuntung	1. Keuntungan dengan tidak bersusah payah (4) 1. Anak hanya seorang (17) 1. Anak gadis seorang (18) 2. Pemberian yang sedikit (19)
28. Terung	1. Orang (3, 4)	1. Terung buah tergantung 2. Tua-tua terung	1. Orang yang menampakkan kekayaannya (3) 1. Orang tua (4)

Bagaimanapun, kolokasi (kedudukan/posisi) kata nama jenis tumbuhan tidak keseluruhannya membawa perluasan makna, terdapat juga kolokasi kata nama jenis tumbuhan yang berdiri sebagai satu makna tersendiri, lihat rajah di bawah;

Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	Konotatit
1. Ara hanyut	1. Tidak terus berjalan (2)
2. Kayu ara	2. Orang besar (5)

	3. Sesuatu (6)
	4. Yang tak mungkin berbayar (7)
3. Seasam	5. Tidak ada cacat cela (5)
4. Pohon buluh/pohon bambu	6. Menderita (6, 16)
5. Buluh kasap	7. Pekerjaan (12)
6. Buluh serumpun	8. Nama kaum keluarga (13)
7. Buluh perindu	9. Suara yang sangat merdu (15)
8. Betung bulat	10. Anak bujang/anak dagang (8)
9. Betung seruas	11. Terlalu jujur (10)
10. Buah macang	12. Orang perempuan (2)
11. Pohon beringin	13. Beristeri (bersuami) orang kaya (1)
	14. Kekerasan orang (2)
12. Cabai rawit	15. Berani (1)
	16. Celaan keras (2)
13. Lada api	17. Berani (5)
14. Cili Melaka	18. Berani (1)
15. Buah delima	19. Rahsia (1)
16. Daun delima	20. Hidup yang tiada berguna (2)
17. Bunga delima	21. Hidup yang tiada berguna (2)
18. Ijuk sebelembang	22. Pencarian (2)
19. Buah kepayang	23. Sesuatu yang amat disayangi (2)
20. Lalang kering	24. Yang tidak dapat ditolak (3)
21. Entimun bengkok	25. Tidak masuk hitungan dalam pergaulan (3)
22. Entimun dendang	26. Mulut manis (4)
23. Seorang makan nangka	27. Seorang berbuat salah (4a)

	28. Seorang mendapat kesenangan (4ii)
4. Tumbuh-nyiur	29. Ganti yang hilang (3)
5. Padi masak	30. Rezeki
	31. Yang lebih baik (24)
6. Buah peria	32. Orng yang jahat perangainya (1)
7. Peria pahit	33. Penyesalan (2a)
8. Petai hampa	34. Omong kosong (2b)
9. Setampuk pinang	35. Belum berpengalaman (2)
0. Pucuk pisang	36. Lemah sekali/tidak berdaya (1)
1. Batang pisang	37. Terlalu dingin (2)
2. Pisang mas	38. Mulit manis (12)
3. Pisang sesikat	39. Suka bertolong-tolongan (14)
4. Pisang lebat	40. Orang yang bersikap positif (9)
5. Bengkok tebu	41. Orang (7, 8)
6. Seruas tebu	42. Seorang (12, 13)

Kepelbagaian penggunaan kata nama jenis tumbuhan untuk enggambarkan sesuatu permaknaan menyebabkan berlakunya beberapa tumpang tindih ermaknaan konotatif antara kata-kata nama jenis tumbuhan dan kolokasi kata nama enis tumbuhan, lihat rajah di bawah;

Kata Nama Jenis Tumbun	Konotatif
1. Ara/Kepayang/Rumbia	- Sesuatu
2. Asam/Cempedak/Enau/Piang/Rumput/ Ulam	- Perempuan

3. Aur/Biji/Duri/Kacang/Limau/Nangka/ Kelapa/Padi/Petai/Pinang/Terung	- Orang
4. Aur/Enau/Pinang/Sabut/Sirih	- Pekerjaan
5. Rebung/Birah/Nyiur	- Anak-anak
6. Cabai/Lada	- Tersindir
7. Cabai/Lada/Cempedak/Nangka	- Salah
8. Cempedak/Nangka/Pisang/Sirih	- Kesenangan
9. Cempedak/Durian	- Terpisah jauh
10. Duri/Tebu	- Musuh
11. Enau/Kaduk	- Orang hina
12. Labu/Kelapa/Tebu	- Gadis
13. Mayang/Nangka/Padi	- Seseorang
14. Kelapa/Padi/Pisang/Tebu	- Keuntungan
15. Padi/Pisang	- Keluarga
16. Rotan/Rumbia/Tebu	- Yang baik
17. Tebu/Ubi	- Baik

Kata Nama Jenis Tumbuhan + Kolokasi Katan Nama Jenis Tumbuhan	Konotatif
1. Kata Nama Jenis Tumbuhan (seperti dalam jadual sebelumnya)/ Buluh Kasap	- Pekerjaan
2. Kata Nama Jenis Tumbuhan (seperti dalam jadual sebelumnya)/ Entimun bengkok	- Orang
3. Bacang/Buah delima	- Rahsia

Kata Nama Jenis Tumbuhan + Kolokasi Katan Nama Jenis Tumbuhan	Konotatif
4. Lalang/Pinang sebatang	- Orang lain

Kolokasi + Kolokasi Kata Nama Jenis Tumbuhan	Konotatif
1. Cabai rawit/lada api/cili Melaka	- Berani

Kepekaan dan keprihatinan masyarakat lalu membina peribahasa tidak dapat dinafikan. Gambaran yang diingini secara tepat dan jitu digambarkan melalui hidupan yang terdapat di sekeliling mereka. Tumpang tindih yang berlaku adalah berasaskan persamaan ciri yang dimiliki oleh kata-kata yang dijadikan lambang. Keadaan semulajadi kata yang dilambangkan dimanipulasikan dan diwujudkan kesesuaiannya dalam dunia yang sebenarnya.